




RM5 JUTA HANYUT

**Kajang rugi
besar akibat
banjir kilat
empat jam
Jumaat lalu**

Kos kerugian banjir RM5 juta

Hujan berterusan empat jam dikesan punca bencana: Khalid

SUBKHI SUDARJI

KAJANG – Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, kejadian banjir kilat di sini Jumaat lalu menyebabkan kerugian dianggarkan mencecah RM5 juta.

Katanya, jumlah tersebut berdasarkan rekod dan bancian membabitkan kerosakan kenderaan dan kemudahan infrastruktur serta barangan milik peniaga yang dilakukan Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) dan agensi bertanggungjawab.

“Kejadian banjir kilat petang Jumaat lalu adalah satu kejadian yang tidak dijangka kerana saya diberikan taklimat oleh Jurutera Jurutera Daerah Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) Hulu Langat, Ir Mohd Nazri Yasmin, punca banjir kilat yang berlaku adalah disebabkan hujan berterusan selama empat jam sehingga mencapai bacaan 91 mm (milimeter).”

“Bahagian Hidrologi JPS Selangor

merekodkan bacaan jumlah hujan melebihi 60 mm bermula jam 2.30 petang iaitu 61mm dan berterusan meningkat sehingga 90 mm pada jam lima petang.

“Keadaan ini menyebabkan sungai utama iaitu Sungai Langat menghampiri paras bahaya yang seterusnya mengakibatkan dua sungai utama yang melalui pekan Kajang iaitu Sungai Jeluh dan Sungai Merbau melimpahi tebing.

“Selain itu ‘soffit level’ jambatan Sungai Jeluh di hadapan Pasar Kajang yang berada di bawah paras banjir menyebabkan ‘backflow water’ air Sungai Jeluh tinggi dan banjir memasuki seluruh kawasan Pasar Kajang hinggalah Plaza Metro Kajang,” katanya ketika ditemui selepas mengadakan lawatan ke lokasi kejadian banjir, lewat malam semalam.

Menurutnya, beberapa langkah jangka pendek akan dilaksanakan di mana usaha membersihkan kawasan lokasi terbabit banjir dengan kerjasama



Abdul Khalid (enam, kiri) mendengar penerangan yang disampaikan oleh Mohd Nazri (lima, kanan) ketika meninjau sekitar Sungai Jeluh yang gagal menampung pengaliran air hingga menyebabkan kejadian banjir kilat berlaku.

ma beberapa agensi pihak berkuasa tempatan dan pemimpin setempat.

“Usaha pembersihan oleh MPKJ dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), bomba dan pemimpin PR adalah langkah tepat.

“Bagi langkah jangka panjang

pula, naik taraf Sungai Jeluh yang pada masa kini mempunyai lebar lapan meter akan dibesarkan sehingga mencapai tahap yang sepatutnya iaitu 12 meter dan peruntukan untuk menjalankan kerja menaik taraf sungai berkenaan bernilai RM3.5

juta sudah diluluskan,” katanya.

Kejadian banjir kilat yang berlaku di Kajang pada Jumaat lalu sehingga menyebabkan lebih 200 kenderaan mengalami kerosakan dan 100 premis perniagaan ditenggelami air.

Rumah ibadat, SAR dibantu



Kakitangan MPKJ yang menjalankan kerja-kerja pembersihan kawasan sekitar Kajang bermula seawal jam 11 malam.

KAJANG – Kerajaan Negeri akan memberikan bantuan kepada rumah-rumah kebajikan dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang terjejas akibat kejadian banjir kilat terutamanya membabitkan buku-buku sekolah dan kemudahan infrastruktur.

Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata, pihaknya telah mengarahkan Majlis Perbandaran Kajang untuk mendapatkan maklumat dan memantau sekiranya terdapat rumah-rumah ibadat dan sekolah yang mengalami kerosakan akibat kejadian berkenaan.

“Bantuan penyaluran buku-buku sekolah yang mungkin rosak akibat ditenggelami air akan disalurkan kepada mereka yang terbabit melalui sekolah selain beberapa kerosakan terhadap kemudahan infrastruktur.

“Maklumat berkenaan akan disediakan dan

dipantau oleh MPKJ dan jika kita akan membantu mereka yang terbabit dengan membeli buku baru atau bantuan sewajarnya.

“Bantuan ini akan disalurkan selewat-lewatnya Jumaat depan oleh saya sendiri atau Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa,” katanya.

Ditanya mengenai punca banjir kilat yang berlaku disebabkan oleh penerokaan tanah dan pembangunan kawasan perumahan baru serta aktiviti pasir, Abdul Khalid berkata: “Pembangunan untuk penempatan kawasan perumahan baru memang banyak tetapi ia hanya menampakkan kecepatan aliran air dan perkara ini kita perlu tengok.

“Mengenai dakwaan banjir berpunca aktiviti mengorek pasir ia tidak benar kerana saya tengok tiada aktiviti pengorekan pasir berlaku dan situasi ini dipantau oleh MPKJ.”

‘Air macam empangan pecah’

KAJANG – “Macam air empangan pecah!” Itulah reaksi sebahagian besar peniaga di sini yang perniagaan mereka terjejas teruk akibat banjir kilat, petang Jumaat lalu.

Tinjauan *Sinar Harian* semalam, mendapati masih terdapat peniaga yang membersihkan barangan akibat ditenggelami air selain sesetengah mereka terpaksa menjual barangan terjejas banjir dengan harga yang murah.

Pemilik kedai peralatan sukan, Chin Sun Kaat, 39, berkata, premis perniagaannya dimasuki air kira-kira jam empat petang secara perlahan-lahan tanpa memikirkan sebarang kejadian buruk bakal berlaku.

“Saya berada dalam kedai sedang melayan pelanggan pada masa itu dan pergerakan air semakin laju menyebabkan saya keluar untuk melihat sesuatu yang luar biasa di mana air deras datang dari bahagian atas



Sebahagian pemilik kedai yang masih membersihkan barangan yang terjejas akibat banjir kilat Jumaat lalu.

menuju ke kedai.

“Akibat banjir kilat yang berlaku ini menyebabkan perniagaan yang dijalankan hampir lapan tahun ini mengalami kerugian kira-kira RM10,000,” katanya.

Sementara itu, peniaga premis permainan video yang dikenali Chen berkata, banjir Jumaat lalu adalah terburuk sejak empat tahun menjalankan perniagaan.

“Saya memang me-

nyedari keadaan hujan yang lebat turun dan mengetahui dari pelanggan mengenai banjir kilat dan menganggap ia perkara biasa.

“Saya terkejut melihat pergerakan deras arus Sungai Jeluh seolah-olah empangan pecah sebelum surut dua jam kemudian. Kesan banjir agak teruk apabila lumpur dan tanah memenuhi ruang premis perniagaan saya,” katanya.